

ULTRASOUND AND ENZYMATIC MEDIATED EXTRACTION OF VITEXIN  
AND ISOVITEXIN COMPOUNDS FROM *FICUS DELTOIDEA* LEAVES

NUR AIMI SYAIRAH BINTI MOHD ABDUL ALIM

Thesis submitted in fulfilment of the requirements  
for the award of the degree of  
Master of Engineering in Chemical

Faculty of Chemical and Natural Resources Engineering

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

FEBRUARY 2017

## ABSTRAK

*Ficus deltoidea* atau lebih dikenali sebagai 'Mas Cotek' merupakan salah satu tumbuhan herba yang berharga di Malaysia disebabkan oleh kandungan bahan aktifnya yang bermanfaat dan penggunaannya sebagai ramuan ubat-ubatan tradisional. Kajian ini memberi tumpuan dalam mengkaji prestasi sistem ultrasonik menggunakan tiga rejim kitaran operasi iaitu: 10%, 20% dan 40% pada keamatan  $8.66 \text{ W/cm}^2$  dalam pengekstrakan bahan aktif daripada daun *F. deltoidea* melalui pelaksanaan kedua-dua sistem ultrasonik dan enzim dalam menentukan rejimen sonikasi dan mekanisme tindakbalas yang sesuai untuk meningkatkan produktiviti ekstrak berbanding dengan kaedah tradisi. Kajian ini turut menekankan kaedah mengenalpasti bahan aktif iaitu vitexin dan isovitexin yang terdapat di dalam ekstrak daun *F. deltoidea*. Daun *F. deltoidea* betina digunakan dalam kajian ini disebabkan oleh ketersediaan dan kandungan bahan aktif yang tinggi terdapat di dalamnya. Hasil optimum sebatian vitexin telah direkodkan sebanyak  $1.067 \pm 0.001$  (%w/w) dari nisbah sampel-air 1:10 (g/mL), suhu  $50^\circ\text{C}$ , kitaran operasi 10% dan kepekatan enzim 0.4% pada jam ke-3 pengekstrakan dijalankan. Manakala, bagi sebatian isovitexin, hasil optimum yang direkodkan adalah sebanyak  $0.374 \pm 0.028$  (%w/w) dari nisbah sampel-air 1:20 (g/mL), suhu  $50^\circ\text{C}$  serta kitaran operasi 10% pada jam ke-3 pengekstrakan dijalankan. Pencirian morfologi ke atas permukaan ekstrak daun kering turut dijalankan menggunakan FE-SEM. Sampel daun kering yang telah diekstrak menggunakan bantuan ultrasonik dan juga enzim menunjukkan permukaan yang lebih pecah dan berlubang berbanding sampel yang dirawat secara konvensional. Hasil eksperimen yang diperolehi dalam kondisi terbaik adalah sejajar dengan nilai yang diramalkan, di mana ultrasonik dan enzim adalah merupakan proses yang lebih efektif berbanding pengekstrakan dididih secara konvensional. Penambahbaikan yang berjaya dilakukan ke atas kaedah pengekstrakan menggunakan ultrasonik dan enzim di dalam kajian ini perlu dilanjutkan untuk mengenalpasti lebih banyak sebatian fenolik dari lain-lain bahagian pokok *F. deltoidea* dan ianya tersedia sebagai kunci informasi kepada skala kajian yang lebih besar pada masa yang akan datang.

## ABSTRACT

*Ficus deltoidea* or 'Mas Cotek' is regarded as one of the most precious herb plants in Malaysia due to its content of beneficial active compounds and appreciation as a traditional remedy. This research focused on the investigation of the performance of ultrasound using three sonication duty cycle regimes: 10%, 20% and 40% at an intensity of 8.66 W/cm<sup>2</sup> in the extraction procedure of active compounds from *F. deltoidea* leaves by the implementation of both ultrasound and enzyme to determine the sonication regiments and their mechanism reactions that might be suitable to improve the productivity of extraction comparatives to control. It is also focus on the identification of active compounds that present in the leaves of *F. deltoidea*, especially of vitexin and isovitexin. Due to the availability and abundancy of active compounds, female leaves of *F. deltoidea* were chosen to be used in this study. The optimum yield recorded for vitexin compound was  $1.067 \pm 0.001$  (%w/w) from; 1:10 (g/mL) sample-to-water ratio, 50 °C temperature, 10% duty cycle, 0.4% enzyme concentration at 3<sup>rd</sup> hour of extraction. While for isovitexin compound, the optimum value recorded was  $0.374 \pm 0.028$  (%w/w) from; 1:20 (g/mL) sample-to-water ratio, 50 °C temperature, 10% duty cycle at 3<sup>rd</sup> hour of extraction. The morphological characterization of the extracted dried leaves particles performed using FE-SEM showed a slight ruptures and more voids on the surface of ultrasound-assisted and enzymatic-mediated extraction sample when compared to conventional extracted sample. The experimental values under best conditions were in good consistent with the predicted values, which suggested that sonication and enzymatic treatment are more efficient process in comparison to conventional boiling extraction. The improvement on the extraction method using ultrasound and enzymatic approaches in the present study should be extended to the identification of more phenolic compounds from various parts of *F. deltoidea* plants and serves as key information for larger scale study in the future work.